

AXCEL FUNGICORT CREAM

Miconazole Nitrate (2% w/w)

Hydrocortisone (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Fungicort Cream.
2. Bagaimana Axcel Fungicort Cream berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Fungicort Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Fungicort Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Fungicort Cream.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Fungicort Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Fungicort Cream

Axcel Fungicort Cream digunakan bagi merawat jangkitan kulat pada kulit termasuk candidiasis, tinea dan pityriasis versicolor.

Bagaimana Axcel Fungicort Cream berfungsi

Miconazole merupakan sejenis agen antikulat jenis imidazole yang mengubah ketelapan membran sel kulat yang sensitif. Ia merupakan sejenis antikulat.

Hydrocortisone merupakan sejenis glukokortikoid yang mempunyai tindakan farmakologikal utamanya termasuk penghasilan glukos, pemendapan glikogen dan metabolisme protin, lipid dan kalsium, bersama aktiviti anti-radang. Ia efektif digunakan secara topikal kerana ciri-ciri anti radang, antipruritic dan tindakan pengecutan salur darah.

Sebelum menggunakan Axcel Fungicort Cream

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Axcel Fungicort Cream jika:

- Anda hipersensitif atau alergi pada mana-mana komponen krim ini.
- Anda menghadapi tuberculosis pada kulit.

- Anda menghadapi cacar air.
- Anda menghadapi vaccinia.
- Anda menghadapi herpes simplex.
- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertaualiah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Axcel Fungicort Cream

Sebelum anda menggunakan Axcel Fungicort Cream anda perlu memaklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan.
- Anda mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Anda sedang menjalani terapi warfarin.
- Anda hamil.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan yang lain, terutamanya:

- Amphotericin.
- Rifampicin.
- Warfarin.

Ia mungkin selamat bagi anda untuk menggunakan Axcel Fungicort Cream dan doktor anda akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Fungicort Cream

-Berapa banyak harus digunakan

Krim ini bertujuan bagi penggunaan luaran sahaja.

Arahan penggunaan:

- Gunakan 1cm krim, atau lebih, pada jangkitan bergantung pada saiz, sekali hingga dua kali sehari.
- Sapu krim menggunakan jari anda dengan lembut sehingga ia

meresap sepenuhnya ke dalam kulit.

- Rawatan perlu diteruskan tanpa gangguan sehingga jangkitan tidak lagi kelihatan sepenuhnya.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Fungicort Cream.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengguna dos seterusnya pada masa biasa. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Fungicort Cream

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Fungicort Cream.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

AXCEL FUNGICORT CREAM

Miconazole Nitrate (2% w/w)

Hydrocortisone (1% w/w)

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Fungicort Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari penggunaan berpanjangan pada bayi, kanak-kanak dan muka.
- Hamil dan menyusukan bayi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Fungicort Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

Kesan penggunaan miconazole nitrate:

- Rengsangan setempat.
- Reaksi sensitiviti.
- Dermatitis sentuhan.

Kesan penggunaan corticosteroids:

- Kehilangan kolagen kulit dan subcutaneous atrophy.
- Hipo-pigmentasi setempat pada kulit berpigmen tebal.
- Simptom Cushingoid.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npa.moh.gov.my (Public-> Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Fungicort Cream

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Fungicort Cream dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan krim anda di bawah suhu 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Fungicort Cream berwarna putih dan merupakan krim larut air.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Miconazole Nitrate

Hydrocortisone

Bahan Tidak Aktif:

Purified Water, Liquid Paraffin, Cremophor A6, Cremophor A25, Dehydtag Wax "O", Sodium Dihydrogen Phosphate, Propylene Glycol dan Chlorocresol.

-Nombor MAL

MAL19985532AZ

Pengilang and pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

22/02/2018